

Suruhanjaya perluas usaha sama industri minyak dan gas

Malaysia dan Turkmenistan ambil langkah susulan jayakan perancangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Turkmenistan menubuhkan suruhanjaya bersama bagi memperluas usaha sama dalam pelbagai sektor, termasuk industri minyak dan gas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Menteri Luar kedua-dua negara akan mengambil langkah susulan pada awal tahun depan bagi menjayakan kerjasama berkenaan.

"Sejak lawatan terakhir pada 2016 oleh Gulbanguly Bardi Mohabbatov ketika itu sebagai presiden dan kini sebagai pemimpin kebangsaan, kita menyaksikan pengukuhan kerjasama ini dan melihat kesediaan serta sokongan mereka (Turkmenistan) terhadap industri, terutama Petronas Carigali.

"Oleh itu, bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih serta memberi jaminan kepada presiden bahawa kerjasama ini akan sangat bermakna untuk memastikan manfaat dan kejayaan bersama bagi kedua-dua negara," katanya pada sidang media bersama Presiden Turkmenistan, Serdar Berdimuhamedow sempena lawatan rasminya ke Malaysia di sini, semalam.

Dalam kenyataan bersama selepas sidang media terbabit, kedua-dua pemimpin komited untuk membina kerjasama jangka panjang yang kukuh, dengan fo-



Anwar mengadakan mesyuarat dua hala dengan Berdimuhamedow di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

kus utama pada industri minyak dan gas, demi pertumbuhan serta kemakmuran bersama.

Kedua-dua pemimpin turut menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama dalam sektor tenaga dan mengakui pengalaman positif PETRONAS dalam bidang berkenaan.

Anwar dan Berdimuhamedow juga bersetuju bahawa perkongsian ekonomi antara Turkmenistan dan Malaysia mempunyai potensi besar dan menyatakan kesediaan untuk membangunkannya berdasarkan kesaksamaan dan manfaat bersama.

Justeru, mereka menyambut baik penubuhan Majlis Perniagaan Turkmenistan-Malaysia.

Pertukaran tujuh MoU

Terdahulu, Anwar dan Berdimuhamedow menyaksikan pertukaran tujuh memorandum persefahaman (MoU) dan nota perjanjian antaranya berkaitan peman-

suhan sebahagian syarat visa bagi pemegang pasport diplomatik dan rasmi serta kerjasama dalam bidang industri penerbangan dan pelancongan.

Ia termasuk protokol di antara PETRONAS dan entiti kerajaan Turkmenistan, Turkmennebit mengenai Terma Komersial Perjanjian Perkongsian Pengeluaran Blok 1 yang baharu, Sektor Turkmenistan di Laut Caspian.

Selain itu, Malaysia dan Turkmenistan menegaskan pendirian bersama kedua-dua negara yang mahu supaya sebarang konflik antarabangsa, termasuk dalam isu Palestin, mesti ditangani secara damai.

Kedua-dua pemimpin menekankan inisiatif damai itu perlu selaras undang-undang antarabangsa serta resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), selain menggesa supaya akses bantuan kemanusiaan ke wilayah Palestin tidak dihalang.